

Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) telah mengadakan pertandingan Anugerah Harta Intelek negara 2016 (AHIN) pada 16 dan 17 Mei 2016 untuk Zon Sarawak. Terdapat dua kategori iaitu kategori perekacipta muda harta intelek untuk sekolah dan kategori perekacipta harta intelek untuk institusi kemahiran dan vokasional. Bagi kategori institusi kemahiran dan vokasional, sebanyak 35 penyertaan yang telah menghantar penyertaan di peringkat saringan. Untuk finalis, terdapat 8 penyertaan yang telah dipilih dan 4 daripadanya adalah daripada Politeknik Kuching Sarawak. Penyertaan yang terpilih tersebut adalah :

Bil	Tajuk Pembentang	Nama pembentang	Jabatan
1.	2 in 1 Rubber Roller Machine	1) En. Ong Tze Ching (Penasihat) 2) Jaffner Anak Johngika 3) Felix Singkang Mitan 4) Kong Chak Yun	JKM
2.	Use of Polyethylene (Mineral Bottle) in Bitumen	1) Pn. Munirah Binti Dawi Saifuddin (Penasihat) 2) Virender Singh A/L Jit Singh 3) Amanda marie Anak Rogers 4) Janie Anak Munan 5) Imelda Anak Nios	JKA
3.	Tael Pelastik	1) Pn. Normah Binti Jainudin (Penasihat) 2) Muhd. Neezamuddin Bin Mohd. Hashim 3) Mohamad Asri Bin Cuki 4) Mohd. Shah Nizam Bin Taha 5) Nina Sherryrna Binti Mohamad Zambir	JKA
4.	Production of Tri-Colour Ink From Waste Cooking Oil and Plant Pigment Extraction	1) Pn. Norli Binti Umar (Penasihat) 2) Nitiyab A/P Krishna Kumar 3) Stefina Edora 4) Norain Binti Kamal	JKPK

Setiap kumpulan dikehendaki untuk membuat pembentangan mengenai produk masing-masing di hadapan 4 panel juri professional mengikut tumpuan penilaian yang diberikan iaitu kreativiti, kualiti produk, aplikasi produk, faedah, nilai tambah produk dan pengiktirafan produk masing-masing. Selepas semua kumpulan membentangkan produk masing-masing, panel juri berkumpul dan berbincang untuk menentukan keputusan dan pemenang. Penyampaian hadiah dimulakan pada jam 3:00 petang, dimulai dengan penyampaian sijil dan cenderamata kepada tempat 4 hingga 8. Manakala untuk anugerah Gangsa (tempat ke-3) telah dimenangi oleh kumpulan dari PKS iaitu ***“Production of Tri-Colour Ink From Waste Cooking Oil and Plant Pigment Extraction”***, dengan jumlah markah sebanyak 308 markah. Diikuti oleh anugerah Perak (tempat ke-2) dimenangi oleh kumpulan dari Insitut Latihan Perindustrian Miri dengan tajuk ***“POWAC (Power Air-Conditioning)”*** dengan jumlah markah sebanyak 309 markah. Manakala anugerah Emas (Tempat pertama) dimenangi oleh sebuah lagi kumpulan dari PKS iaitu ***“Use of Polyethylene (Mineral Bottle) in Bitumen”*** dengan jumlah markah sebanyak 323 markah. Penyertaan terbanyak yang terpilih untuk finalis dari PKS pada tahun ini memberikan banyak pengalaman berharga dan memberikan motivasi untuk lebih banyak penyertaan AHIN di tahun-tahun mendatang. Kerjasama pasukan, komitmen dan kerja keras sangat membantu bagi menghasilkan lebih banyak produk-produk yang boleh diketengahkan dan dipertandingkan di peringkat luar. Semoga pengalaman ini akan membantu pelajar untuk lebih kreatif, berani dan sentiasa meneroka cabaran baru disamping bersaing secara sihat dengan insituti lain.

Disediakan oleh: Munirah bt. Dawi Saifuddin (JKA)



